

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)**

**SOALAN 17 (A121)**

Apakah usaha yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam membantu peniaga-peniaga di kawasan PBT bagi meneruskan perniagaan mereka yang terjejas teruk semasa Covid-19 ini?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Bagi membantu peniaga-peniaga di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi meneruskan perniagaan mereka yang terjejas teruk, terdapat PBT yang telah melaksanakan pengecualian bayaran sewa premis milik PBT dan pasar awam sepanjang tahun 2021. Selain itu, pihak PBT juga telah melaksanakan pengecualian bayaran lesen perniagaan selama setahun bermula Januari hingga Disember 2021 kepada penyewa premis milik PBT serta penjaja termasuk pasar malam dan pasar pagi.

Sebagai tambahan, PBT turut melaksanakan pengecualian bayaran tapak perniagaan pasar pagi dan tapak peniaga penjaja berlesen seperti tapak food truck, dan luton van, sepanjang tahun 2021.

Selain itu, untuk mengatasi lambakan penjaja semasa PKP, Pentadbiran Majlis mempunyai perancangan untuk menempatkan penjaja-penjaja berkelompok di kawasan-kawasan yang bersesuaian. Namun begitu, perkara ini masih dalam penelitian bagi sesetengah PBT memandangkan kawasan-kawasan lapang yang tinggal kebanyakannya tidak strategik ataupun kepunyaan pemaju dan penjaja lebih suka berniaga di kawasan petak parkir pusat komersial untuk menarik pelanggan. Terdapat juga PBT yang telah memulakan penyusunan semula kawasan penjaja dan menyediakan kawasan penjaja dan petak niaga yang baru.

Bagi meringankan beban para peniaga, pihak PBT bersama-sama Kerajaan Negeri telah mengagihkan bantuan One-Off RM500 bagi kategori peniaga pasar pagi, pasar malam, pasar tani, premis PBT berjumlah RM10,284,500 yang melibatkan 20,569 peniaga. Tidak terkecuali juga bantuan One-Off RM500 peniaga salon dan kedai gunting rambut yang turut terjejas sebanyak 2699 peniaga berjumlah RM1,349,500.

Malahan, pihak PBT juga telah membantu dalam memudahkan permohonan lesen dengan memberi lesen penjaja sementara bagi membantu peniaga-peniaga yang terjejas selama tempoh 6 bulan dan penyambungan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak PBT.

Walau bagaimanapun, bagi tahun 2022, pihak PBT bersedia mengambil tindakan tertakluk kepada arahan dan rancangan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa jika ada bantuan atau pengecualian bayaran lesen.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)**

**SOALAN 18 (A135)**

Apakah kerajaan mempunyai perancangan bagi membantu dan menaik taraf secara sistematik peniaga-peniaga kecil (stall) khususnya yang terpaksa tutup@tangguh perniagaan selepas pelaksanaan PKP?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Antara perancangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu dan menaik taraf secara sistematik peniaga-peniaga kecil (*stall*) ialah menyediakan Ruang-ruang niaga yang strategik atau kawasan tumpuan pengunjung kepada peniaga-peniaga yang terlibat.

Pihak PBT juga menggunakan kaedah promosikan jualan-jualan dan kawasan penjaja terbaru yang disediakan oleh PBT di Media Sosial Rasmi PBT sebagai membantu memulihkan perniagaan mereka dan meramaikan lagi pengunjung di kawasan penjaja. Di samping itu, pihak PBT telah menyediakan senarai cadangan 26 lokasi baru bagi peniaga *foodtruck* merangkumi 263 petak niaga.

Selain itu, para peniaga kecil ini boleh dibantu oleh agensi lain seperti agensi lain Perbadanan Usahawan Johor (PUJB), MARA, TEKUN yang mempunyai geran atau pinjaman berkaitan perniagaan manakala PBT hanya boleh membantu dari sudut lokasi atau taklimat pelesenan, penguatkuasaan, kesihatan dan undang-undang untuk mendidik para peniaga ini menaik taraf diri sendiri serta perniagaan yang diusahakan oleh mereka.

Negeri Johor juga telah memasuki Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 bermula pada 25 Oktober 2021 dimana kebanyakan sektor ekonomi telah dibenarkan beroperasi kecuali bar dan kelab malam mengikut Standard Operation Procedure (SOP) PPN Fasa 4 yang telah dikemaskini oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 07 November 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)  
SOALAN 19 (A91)**

Sila nyatakan jenis bantuan Kerajaan Johor yang telah diterima oleh Orang Asli Johor khususnya semasa pandemik COVID-19 bermula dari Mac 2020 dan perincian jenis dan jmlah bantuan mengikut kampung-kampung Orang Asli.

**JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI**

Melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Johor pada tahun 2020 telah menyalurkan kepada semua Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli Negeri Johor melalui 3 fasa Bantuan Bakul Makanan, semasa pandemik Covid-19.

Bantuan Fasa 1 – selesai diagihkan pada 4-11 April 2020 kepada 3,786 Ketua Isi Rumah dalam 60 buah perkampungan Orang Asli di Negeri Johor dengan perbelanjaan sebanyak RM376,610.60.

Bantuan Fasa 2 – selesai diagihkan Bakul Makanan dan Bantuan Kebajikan pada 17 – 28 April 2020 kepada 3900 Ketua Isi Rumah di 60 buah Perkampungan Orang Asli Negeri Johor melibatkan peruntukan berjumlah RM611, 547.00.

Bantuan Fasa 3 – untuk tahun 2020 selesai diagihkan Bakul Makanan pada 5-14 Mei 2020 kepada 3900 Ketua Isi Rumah (KIR) untuk 60 buah Perkampungan Orang Asli Negeri Johor bernilai RM577, 571.00.

Untuk sepanjang tahun 2021 pula, melalui Fasa 1 dari 5-14 Jun 2021 JAKOA telah mengagihkan Bakul Makanan kepada 4870 Ketua Isi Rumah di 60 buah Kampung Orang Asli dengan jumlah nilai RM961,008.60.

Manakala untuk Fasa ke-2, 2021, agihan telah dibuat kepada 4934 Ketua Isi Rumah (KIR) Kaum Orang Asli di 60 buah kampung pada 21-31 Julai 2021 dengan nilai RM771,104.20.

Keseluruhannya, RM3,297,842.00 nilai barangan dan perkhidmatan telah diberikan kepada golongan tersebut sepanjang 2020 hingga 2021.

Antara barangan tersebut adalah:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>ITEM / JENIS BEKALAN / KERJA</b>
1.	BERAS - 10 KG
2.	BERAS - 5 KG
3.	MINYAK MASAK - 2 KG
4.	SOS CILI - 1 BOTOL
5.	GARAM - 1 KG
6.	GULA PASIR - 2 KG
7.	SUSU PEKAT MANIS - 2 TIN
8.	TEH - 1 BUNGKUS
9.	SARDIN BESAR - 2 TIN
10.	KICAP 345 ML - 1 BOTOL
11.	BISKUT - 1 BUNGKUS
12.	PEMBUNGKUSAN DAN LOGISTIK
13.	SUSU TEPUNG
14.	SABUN BUKU ANTIBAKTERIA
15.	HAND SANITIZER
16.	FACE MASK

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**

**SOALAN 20 (A14)**

Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menurap semula jalan Mersing - Endau memandangkan ketika ini jalan Mersing - Kluang telah diturap baru dan dibesarkan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Jalan Mersing – Endau merupakan jalan persekutuan FT003 dengan panjang sejauh 40km. Jalan Mersing – Endau ini merupakan jalan utama menghubungkan bandar Mersing Pekan Endau yang mana jalan ini juga turut melalui dan menghubungkan beberapa kampung antaranya ialah:

- |                      |                  |
|----------------------|------------------|
| - Air Merah          | - Felda Endau    |
| - Air Papan          | - Kampung Hubong |
| - Hutan Gunung Arong | - Kg Semaloi     |

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Jabatan Kerja Raya telah mengangkat senarai permohonan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) untuk Tahun 2021 bagi laluan FT003 Mersing – Endau ini bersama semua jalan persekutuan di negeri Johor untuk kerja-kerja baik pulih dan menurap semula..

Walau bagaimanapun, memandangkan kontrak bagi penyenggaraan jalan persekutuan bagi laluan FT001, FT003 & FT005 telah tamat maka JKR Ibu pejabat melalui Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) sedang dalam proses penyediaan kontrak penyenggaraan yang baru bagi kerja-kerja berkala pavement iaitu secara Performance Based Contract (PBC) yang dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2022.

Namun berdasarkan kontrak penyelenggaraan semasa untuk jalan Mersing – Endau ini, kerja-kerja penyenggaraan rutin masih lagi dilaksanakan oleh pihak konsesi termasuk kerja-kerja penampalan lubang (potholes).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 21 (A33)**

Sila nyatakan jumlah pelaburan asing di Johor setakat 1hb November 2021 dalam pecahan sektor dan bandingan dengan tahun 2019, 2020.

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**

Bagi menjawab soalan YB Bukit Batu serta berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh agensi utama pelaburan iaitu MIDA. Dari tempoh Januari hingga Jun 2021, nilai pelaburan asing yang berjaya diperolehi oleh negeri Johor adalah sebanyak RM1.43 billion. Daripada jumlah tersebut, sektor pembuatan merupakan penyumbang terbesar dengan lebih 95% daripada nilai pelaburan keseluruhan iaitu sejumlah RM1,379 billion dan sejumlah RM51,768,466 diperolehi dari sektor perkhidmatan.

Bagi jumlah pelaburan mengikut pecahan sektor dan perbandingan dengan jumlah pelaburan yang diperolehi pada tahun 2019 dan 2020, ianya adalah seperti berikut :-

<b>Tahun</b>	<b>FDI - 2019</b>	<b>FDI - 2020</b>	<b>FDI - (Jan-Jun 2021)</b>
Sektor Perkilangan	6,538,747,748	4,204,802,446	1,379,713,889
Sektor Perkhidmatan	3,514,101,225	550,270,883	51,768,466
<b>Nilai Keseluruhan FDI</b>	<b>10,052,848,973</b>	<b>4,755,073,329</b>	<b>1,431,482,355</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)**

**SOALAN 22 (A88)**

Adakah kerajaan merancang untuk menaik taraf jalan Chamek - Kangkar Baru? Jalan tidak berturap yang sedia ada ini melibatkan lebih kurang 10-15km panjang atas rezab jalan.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Jalan Chamek – Kangkar Baru ini menghubungkan Mukim Nyior di Daerah Kluang sepanjang 9km dan Yong Peng, Batu Pahat sepanjang 3km. Panjang keseluruhan bagi jalan ini adalah 12km.

Jalan yang sedia ada ini merupakan kegunaan utama bagi aktiviti pengeluaran hasil-hasil pertanian penduduk dan estet sekitarnya.

Ingin saya maklumkan bahawa, cadangan projek ini pernah dipohon untuk dilaksanaannya dibawah Projek Jalan Kampung (PJKG) oleh Syarikat Konsesi Infra Desa Johor dengan anggaran kos berjumlah RM 3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta sahaja) bagaimanapun sehingga kini masih belum ada kelulusan berkenaan permohonan tersebut.

Manakala jalan sepanjang 1.5km dalam kawasan Daerah Kluang telah dinaiktaraf dengan jalan batu kasaran. Walaubagaimanapun, laluan jalan selebihnya perlu disemak kerana kemungkinan melibatkan tanah bermilik.

Cadangan bagi permohonan menaiktaraf jalan ini akan dipohon semula samaada melalui peruntukan kerajaan negeri atau melalui Projek Jalan Penghubung Desa Kementerian Luar Bandar.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 23 (A145)**

Senarai bilangan pesakit Covid-19 mengikut kategori umur 0-5, 6-10, 11-15, 16-18.

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Sehingga 7 November 2021, bilangan kes COVID-19 yang dilaporkan di Negeri Johor adalah sebanyak 221,015 kes. Pecahan pesakit mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

<b>KATEGORI UMUR</b>	<b>BIL. KES (Peratus)</b>
0-5	13,157 (6%)
6-10	11,047 (5%)
11-15	10,076 (5%)
16-20	14,591 (7%)
21-25	30,596 (14%)
26-30	31,709 (14%)
31-35	26,092 (12%)
36-40	20,974 (9%)
41-45	14,158 (6%)
46-50	10,897 (5%)
51-55	8,937 (4%)
56-60	7,091 (3%)
61-65	5,435 (2%)
66-70	4,114 (2%)
71-75	2,507 (1%)
76-80	1,229 (1%)
>80	1,674 (1%)
Maklumat Tidak Lengkap	6,731 (3%)
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>221,015</b>



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 24 (A157)**

Demi pemulihan ekonomi dan mengurangkan beban rakyat, apakah rancangan PBT untuk mengurangkan atau mengecualikan cukai pintu, terutamanya bagi rumah kos rendah dan sederhana pada tahun 2022?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Anggaran jumlah pegangan bagi perumahan kos rendah adalah sebanyak 156,278 unit yang melibatkan cukai harta berjumlah RM 13.68 Juta manakala anggaran bagi jumlah pegangan perumahan kos sederhana adalah sebanyak 50,504 unit yang melibatkan cukai harta sebanyak RM 8 Juta.

Secara keseluruhan, jumlah cukai harta bagi perumahan kos rendah dan sederhana menyumbang sebanyak RM 21.74 Juta iaitu 2% daripada anggaran hasil cukai tahun 2022 iaitu RM 1,089,627,324.52 .

Pengenaan cukai taksiran di PBT Negeri Johor adalah berdasarkan Seksyen 127 Akta Kerajaan 1976 [ Akta 171 ] dan bayaran cukai harta adalah mengikut penggal iaitu 2 kali setahun sebagaimana Seksyen 133 iaitu :

“ 127. Kuasa untuk mengenakan kadar

Pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkan perlu, mengenakan sama ada secara berasingan atau sebagai suatu kadar yang disatukan, kadar atau kadar tahunan dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan bagi maksud Akt aini atau bagi maksud lain yang mana adalah kewajipan pihak berkuasa tempatan itu menyempurnakannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.”

“ 133. Lamanya Tempoh Kadar

Kadar yang disebutkan dalam Seksyen 127 dan Seksyen 128 hendaklah berterusan selama sesuatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan hendaklah kena dibayar tiap-tiap setengah tahun terlebih dahulu oleh pemunya pegangan itu di pejabat pihak berkuasa tempatan atau di tempat lain yang ditetapkan dalam bulan Januari dan bulan Julai dan hendaklah ditaksirkan dan di levi mengikut cara yang diperuntukkan di dalam ini kemudian daripada ini”

Sebarang pengecualian ataupun pengurangan cukai harta, ianya adalah tertakluk di bawah Seksyen 134 dan 135 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sebagaimana berikut :

“ 134. Pengecualian dari kadar menyatakan:

Apabila sesuatu pegangan atau mana-mana bahagiannya digunakan semata-mata :-

- (a) sebagai tempat awam untuk sembahyang;
- (b) sebagai tanah perkuburan atau krematorium awam yang berlesen;
- (c) bagi sekolah awam;

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

- (d) sebagai tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus, dan bukan untuk mendapatkan keuntungan wang, Pihak Berkuasa Negeri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan itu atau mana-mana bahagian pegangan itu dari pembayaran apa-apa kadar.”

“135. Pengecualian atau pengurangan kadar.

Apabila sesuatu pegangan atau sesuatu bahagian daripadanya digunakan semata-mata bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan, dan bukan untuk mendapat keuntungan wang Pihak Berkuasa Negeri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan atau bahagian pegangan itu daripada pembayaran semua atau mana-mana kadar atau boleh mengurangkan apa-apa kadar yang dikenakan ke atas pegangan atau bahagian pegangan itu. ”

Walaupun begitu, PBT-PBT Negeri Johor telah pun menurunkan kadar cukai sebagaimana penguatkuasaan senarai nilai dan kadar cukai baru pada Tahun 2014 dan 2015 bagi 14 PBT kecuali Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Lembaga Bandaran Johor Tenggara (LBJT).

Pada tahun tersebut, MPKu masih belum cukup tempoh 5 tahun untuk melaksanakan kerja-kerja penilaian semula memandangkan MPKu telah menguatkuasakan senarai nilai dan cukai baru pada Tahun 2011. Manakala kerja-kerja penilaian semula bagi LBJT ditangguhkan kerana terdapat cadangan bagi penubuhan PBT Pengerang.

MPKu telah menguatkuasakan senarai nilai dan kadar cukai baru pada Tahun 2020 dan telah menurunkan kadar sebagaimana berikut :

BIL	PBT	JENIS PEGANGAN	KADAR CUKAI 2011 %	KADAR CUKAI 2020 %
1	MPKu	Kediaman	0.24	0.18

Manakala 14 PBT lain juga telah menurunkan kadar cukai bagi kategori perumahan yang dikuatkuasakan pada tahun 2014 dan 2015 sebagaimana berikut :

BIL	PBT	JENIS PEGANGAN	KADAR CUKAI 2014 %	KADAR CUKAI 2015 %
1	MJB	Perumahan	0.13	0.12
		Perumahan Kos Rendah	0.13	0.11
		Perumahan Rizab Melayu	0.05	0.04
2	MBIP	Rumah Murah	0.25	0.17
		Rumah Kos Sederhana	0.25 018	0.21 013
		Kediaman	0.14	0.13
3	MBPG	Perumahan	0.25	0.18

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

4	MPK	Kediaman	0.23	0.22
5	MPBP	Kediaman Kos Rendah	0.40	0.16
		Kediaman	0.40	0.17
6	MPM	Perumahan	0.30	0.20
		Perumahan Rizab Melayu	0.15	0.10
7	MPPn	Perumahan	0.35	0.20
		Perumahan Kos Rendah	0.35	0.15
		Perumahan Rizab Melayu	0.18	0.10
8	MDT	Perumahan Kos Rendah	0.25	0.20
		Perumahan Rizab Melayu	0.125	0.10
9	MPS	Kediaman	0.70	0.25
10	MDKT	Perumahan	0.20	0.14
		Perumahan Kos Rendah	0.15	0.13
11	MDYP	Kediaman	0.25	0.23
12	MDSR	Perumahan	0.25	0.22
		Perumahan Kos Rendah	0.25	0.20
		Kediaman	0.70/0.60	0.25/0.20
		Kediaman Rizab Melayu	0.35/0.30	0.13/0.10
14	MDL	Perumahan	0.30	0.20

Pada masa ini juga, PBT-PBT selain MPKU sedang melaksanakan kerja-kerja penilaian semula bagi semua pegangan bercukai di Kawasan masing-masing.

Walau bagaimanapun, ianya dikaji semula disebabkan penularan wabak COVID-19. Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 7 Oktober 2020 telah memutuskan kerja-kerja penilaian semula boleh diteruskan tetapi penguatkuasaannya adalah tertakluk kepada keputusan kerajaan.

Bagi meringankan beban rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 di dalam aspek pembayaran cukai harta, PBT-PBT telah melaksanakan beberapa pendekatan sebagaimana berikut :

1. Tidak mengenakan bayaran denda dan notis lewat membayar cukai harta.
2. Membenarkan bayaran cukai harta secara ansuran.
3. Tidak melaksanakan tindakan atau operasi sitaan dan rampasan bagi pemilik harta yang mempunyai tunggakan cukai harta seperti di MPKu.
4. Mempertimbangkan permohonan Remisi bagi harta-harta yang tidak diduduki, tidak beroperasi mengikut syarat-syarat di bawah Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976

Selain itu, antara langkah-langkah diambil oleh PBT Negeri Johor demi pemulihan ekonomi dan mengurangkan beban rakyat akibat covid-19 adalah :

- 1) Pengecualian Bayaran Lesen Perniagaan/ Penjaja yang telah memberi manfaat kepada penerima seramai 23,701 di semua PBT Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

- 2) Pengecualian Bayaran Sewa Premis dan Pasar kepada 45,567 penyewa iaitu sebanyak 6,364 bagi premis/gerai PBT, dan 39,203 bagi tapak Pasar Awam, Pasar Malam dan Pasar Pagi yang melibatkan kehilangan hasil kepada PBT berjumlah RM 15.2 Juta.
- 3) Pengurangan Bayaran Proses Pindah Milik. Sebagai contoh, MPKu telah mengadakan kempen pindahmilik/pertukaran nama (Borang I/J) dengan memberikan pengurangan sebanyak 60% terhadap jumlah bayaran pendaftaran/proses permohonan pindahmilik tersebut dari RM 50.00 kepada RM 20.00 mulai 1 September 2020 hingga 31 Disember 2021.
- 4) Pengurangan Kompaun Lalulintas oleh MBBJ dan Kompaun Meletak Kenderaan oleh MBJ dan MBIP.
- 5) Penyediaan Kebun-Kebun Komuniti di dalam kawasan PBT berjumlah RM 800,000.00 bagi menjana pendapatan dan kegunaan sendiri.

9 PBT yang menerima peruntukan sebanyak RM50,000.00 adalah MPM, MPS, MPP,MDT, MDSR, MDYP, MDL, MDKT dan MDM. Manakala 7 PBT menggunakan peruntukan sendiri adalah MBBJ, MBIP, MBPG, MPBP, MPK, MPKu dan MPPn. Antara lokasi yang sedang dibangunkan ialah Kebun Kejiranan Pangsapuri Zon 1-1, Jalan Permas 7 (MBJB), Taman Sri Penggaram, Batu Pahat (MPBP) dan Taman Sri tanjung Indah (MDT).

- 6) Sumbangan COVID Test-Kit oleh 3 Bandaraya iaitu MBBJ,MBIP dan MBPG sebanyak 20,000 unit bagi setiap PBT.
- 7) Sumbangan sebanyak 1% hasil cukai dan bukan cukai berjumlah RM 9.5 Juta bagi menyokong program-program kerajaan dan bantuan-bantuan kepada penduduk seperti menyediakan Gerobok Makanan, Bantuan Tunai, Bantuan Makanan, Bantuan Barang Keperluan Asas, Kursus-Kursus Kemahiran bagi menjana pendapatan dan Bantuan Persekolahan.
- 8) Kerja-kerja disinfeksi dan pembersihan antaranya di tempat-tempat awam, bangunan perniagaan, kawasan perumahan dan gerai-gerai milik Majlis, terutamanya di kawasan yang menjalani (Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 25 (A38)**

Berapakah bilangan keseluruhan usahawan dan bilangan usahawan yang dari Negeri Johor telah menyertai program Jualan Makmur Johor (JMJ) 2020 dan 2021?

**JAWAPAN YB DR CHONG FAT FULL**

Dalam usaha meringankan beban kos sara hidup rakyat Johor dan dalam masa yang sama masih berdepan dengan pandemik COVID-19, kerajaan negeri Johor telah melancarkan Program Jualan Makmur Johor (JMJ) Secara Atas Talian Tahun 2020 dan Tahun 2021. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor, Datuk Haji Hasni bin Mohammad. Program JMJ ini merupakan kerjasama antara kerajaan negeri Johor dan Shopee Malaysia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwat Pengguna Johor sebagai agensi pelaksana.

Program Jualan Makmur Johor (JMJ) juga sejajar dengan usaha kerajaan negeri Johor untuk membantu menangani kos sara hidup rakyat yang kian meningkat, di mana Johor mencatatkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebanyak RM2,508.00 sebulan bagi satu isi rumah yang mana kadar tersebut lebih tinggi berbanding PGK nasional iaitu RM2,208.00. Objektif program ini adalah untuk meringankan kos sara hidup rakyat di negeri Johor. Program Jualan Makmur Johor (JMJ) dilihat dapat memberi manfaat kepada rakyat negeri Johor yang mana barangan keperluan asas dapat diperolehi dengan harga yang lebih murah dan berpatutan.

Menerusi program JMJ ini, ia telah memberi peluang kepada rakyat di Negeri Johor untuk membeli barang keperluan asas dan barang keperluan harian pada harga yang lebih murah dan berpatutan. Program JMJ 2020 berlangsung selama satu bulan iaitu pada bulan November 2020. Dan JMJ 2021 berlangsung pada Bulan September 2021. JMJ ini dilaksanakan secara atas talian (online) melalui platform syarikat e-dagang Shopee. Bagi JMJ 2020, seramai 39,500 penerima yang telah menerima manafaat dengan jumlah peruntukan sebanyak RM790,000.00 dan bagi JMJ 2021, seramai 25,000 orang penerima mafaat dengan nilai peruntukan dari kerajaan negeri sebanyak RM500,000.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 26 (A115)**

Senaraikan produk-produk pelancongan baru Negeri Johor.

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

**Berikut adalah senarai produk-produk pelancongan baru bagi Negeri Johor**

1. Pusat Santuari Gajah (JES) Kota Tinggi
2. Hutan Lipur Sungai Bantang Segamat
3. Pulau Mawar
4. Hutan Lipur Soga Perdana
5. Lata Lamakoh
6. Bukit Selantai Mountain Bike
7. PIJ Agarwood -Oud Valley Plantation Ayer Hitam
8. Sawah Teluk Rimba
9. Qutus Agro Farm ( NENAS)
10. Raf Point with Zipline Adventure
11. Santuari Gajah Johor
12. Kota Tinggi Mural Paintings @ Lorong Seni
13. Restoran Terapung Parit Tiram
14. Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara
15. Sawah Padi Sungai Balang
16. Bukit Mor
17. Jeti Nelayan Udang Galah Renchong

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)**  
**SOALAN 27 (A136)**

Apakah kerajaan hari ini akan terus tidak membenarkan mana-mana rakyat yang tidak setuju untuk divaksin bagi merentas negeri atau keluar negara?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang termaktub dan digunakan pada masa ini masih tidak membenarkan individu yang tidak lengkap divaksin untuk merentas negeri.

Kerajaan masih belum mengeluarkan sebarang arahan untuk membolehkan individu yang tidak setuju untuk divaksin bagi merentas negeri atau keluar negara.

Pada masa ini tidak ada cara untuk mengawal pergerakan yang belum divaksin. Walau bagaimanapun, sekiranya individu yang tidak divaksin lengkap berjaya merentas negeri, mereka masih lagi tertakluk dengan SOP yang ketat yang memerlukan pembuktian telah menerima vaksin lengkap seperti untuk dine-in, bersukan, menghadiri aktiviti sosial dan sebagainya.

Dalam pada masa yang sama, pihak polis akan terus melaksanakan Ops Patuh bagi memastikan orang ramai tidak melanggar SOP yang telah ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)**  
**SOALAN 28 (A111)**

Berdasarkan bajet negeri Johor pada tahun sebelumnya, ada disebut berkenaan pembinaan rumah transit. Berapakah jumlah unit rumah transit yang telah dibangunkan dan siap dibina antaranya seperti rumah transit Bukit Kepong?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

SUKJ Bahagian Perumahan hanya menguruskan Rumah Transit Belia (di Program Perumahan Rakyat Melana 1).

Rumah transit ini dikhususkan untuk golongan belia di dalam lingkungan usia dari 18 hingga 30 tahun. Syarat utama bagi segementasi rumah transit ini adalah pemohon mestilah berumah tangga, kadar pendapatan isi rumah di bawah RM4,000.00 serta tidak memiliki kediaman sendiri. Jumlah unit yang terlibat bagi program ini adalah sebanyak 390 unit dengan kadar sewa bulanan RM250.00.

Manakala di bawah Rumah Transit MAIJ, jumlah asal keseluruhan pembinaan adalah sebanyak 114 unit yang merangkumi:

1. Tapak SPKR Jalan Wan Tenglu, Mersing ( Fasa 1 )
  - 32 unit
  - Status **SELESAI**
2. Tapak SPKR Jalan Pak Wan Tenglu , Mersing ( Fasa 2 )
  - 20 unit
  - Status (tangguh) – Kemajuan 95% - Isu Keretakan Bangunan
3. Tapak SPKR Bukit Kepong Muar
  - 32 unit
  - Status (Tangguh)
  - Isu status tanah tindakan bersama SUKJ Unit Perbadanan SSI
4. Jalan Kompleks Penghulu Simpang Renggam Kluang
  - 30 Unit
  - Status BATAL
  - Isu Tapak bukan rizab SPKR



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 29 (A17)**

Adakah kerajaan bersedia mewujudkan satu pasukan sukarela di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan seperti di jeti-jeti penumpang atau pantai bagi memantau SOP kerana pada ketika ini kekuatan penguatkuasa yang ada tidak mampu menampung operasi pemantauan di kawasan pelancongan?

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Endau atas soalan yang telah dikemukakan.

Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa negara kita kini telah beralih ke fasa endemik COVID-19 di mana rakyat atau pelancong perlu menerima hakikat dan mengambil langkah-langkah pencegahan untuk hidup bersama virus ini sebagaimana disyorkan oleh kerajaan seperti melakukan kawalan sendiri, memakai pelitup muka dan mendapatkan vaksin.

Melalui norma baharu ini, inisiatif mewujudkan Majestic Johor Safe (MJS) yang telah diperuntukan sebanyak RM500ribu juga merupakan antara usaha Tourism Johor dengan usaha sama Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Jabatan Bomba Negeri Johor bagi memperakukan produk pelancongan mengenai tahap keselamatan yang dipraktikkan serta mengadaptasi norma baharu dengan mengutamakan faktor kebersihan di setiap hotel negeri Johor mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Ini merupakan persediaan negeri Johor dalam usaha menyambut tetamu dari luar khususnya Singapura, sukacita saya ingin menyatakan bahawa MJS akan diperhebatkan lagi dengan mengambil kira SOP negara-negara yang telah berjaya melaksanakannya. Layang-Layang percaya, kita akan berjaya mewujudkan "confidence" bukan hanya untuk pelancong domestik dan antarabangsa malah pelabur-pelabur asing.

Dibawah Majestic Johor Safe (MJS), Kerajaan Johor berhasrat untuk melantik pemandu pelancong dibawah usaha Taskforce Inspection bagi pemeriksaan premis-premis agar mencapai standard yang telah ditetapkan dibawah MJS.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)**

**SOALAN 30 (A77)**

Bagaimana kerajaan mengatasi permasalahan bagi penjawat awam mahupun orang persendirian yang tidak mahu mengambil vaksinasi Covid-19.

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Adalah dimaklumkan bahawa kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 yang menetapkan dasar Pelaksanaan Imunisasi Covid-19 bagi Pegawai Perkhidmatan Awam. Pekeliling tersebut juga telah ditimbalbalas oleh Kerajaan Negeri Johor.

Mulai 1 November 2021, pegawai boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk mendapatkan dos imunisasi Covid-19 yang lengkap dengan cara mengemukakan Sijil Digital Imunisasi Covid-19. Mana-mana pegawai yang gagal mematuhi arahan Ketua Jabatan boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

Sekiranya pegawai tidak dapat melengkapkan dos imunisasi Covid-19 atas sebab kesihatan, pegawai boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk membuat pemeriksaan kesihatan dengan pengamal perubatan berdaftar bagi mengesahkan pegawai tidak layak untuk menerima imunisasi Covid-19 dari segi perubatan. Pegawai tersebut boleh diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk membuat ujian pengesanan Covid-19 secara berkala.

Sementara itu, bagi orang persendirian yang tidak mahu mengambil vaksinasi Covid-19, pihak jabatan akan sentiasa mengikut garis panduan dan SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari masa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**

**SOALAN 31 (A131)**

Nyatakan rancangan kerajaan untuk mengurangkan birokrasi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan sebagai satu langkah penting dalam mewujudkan suatu suasana mesra pelabur bagi menarik dan mengekalkan pelaburan domestik dan pelaburan antarabangsa di negeri Johor.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Selain mewujudkan persekitaran pelaburan yang sihat bagi menggalakkan pelabur kekal di negeri ini, Kerajaan sentiasa berusaha menambahbaik sistem dan prosedur kerja sedia ada bertujuan untuk memudahcara urusan permohonan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mengurangkan karenah birokrasi dan seterusnya memudahkan komuniti perniagaan membuat pelaburan di Johor. Persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan kompetitif disediakan bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan dari pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa.

Sebagai contoh, di kawasan bandaraya Johor Bahru, bagi menarik dan mengekalkan pelaburan domestik dan antarabangsa, pihak MBBJ telah mengambil inisiatif seperti berikut:

Pertama;

Menambahbaik prosedur permohonan lesen perniagaan dan iklan untuk memudahkan peniaga dan pelabur yang ingin menjalankan perniagaan di Johor Bahru membuat permohonan lesen perniagaan dan iklan dengan:

- (a) Mewujudkan perkhidmatan permohonan lesen perniagaan dan iklan secara dalam talian atau dikenali sebagai e-Khidmat.
- (b) Kategori lesen aktiviti tidak berisiko tinggi diluluskan secara serta merta di kaunter setempat;
- (c) Mewujudkan Jawatankuasa Kerja Pelesenan yang bersidang dua (2) kali sebulan bagi tujuan mempercepatkan proses permohonan lesen perniagaan dan iklan.

Kedua,

Memproses Permohonan Pelan Pemajuan Secara Dalam Talian melalui Sistem Osc 3.0 Plus Online

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 14 Julai 2020 telah bersetuju Manual OSC 3.0 Plus sebagaimana Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 1 Tahun 2020 diterima pakai di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Johor.

Ianya seiring dengan hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meningkatkan kecekapan dan produktiviti di dalam sektor pembinaan dan pembangunan khususnya di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan dan negeri Johor secara amnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

Sistem OSC 3.0 Plus Online adalah merupakan sistem yang dibangunkan bertujuan membantu pihak *Principal Submitting Person* (PSP)/ *Submitting Person* (SP) untuk mengemukakan permohonan pelan pemajuan secara atas talian, bayaran melalui atas talian (*PBT Pay*) dan membolehkan agensi teknikal mengulas permohonan secara maya serta seterusnya keputusan diperolehi melalui sistem ini.

Selain itu, sistem ini turut dilengkapi dengan fungsi *real-time tracking* status permohonan dan *command, control, communications, computers, and intelligence* (C4i). Melalui sistem ini, proses permohonan cadangan pemajuan boleh dibuat melalui dalam talian yang tidak memerlukan pemohon hadir ke kaunter OSC kecuali sekiranya *Principal Submitting Person* (PSP) memerlukan perbincangan bersama Jabatan berkenaan.

Sistem OSC 3.0 Plus Online yang dibangunkan oleh oleh KPKT dengan kerjasama strategik bersama pihak Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Perbadanan Putrajaya (PPJ) mempunyai kelebihan seperti berikut;

- a. Pendaftaran Pemohon hanya dilakukan sekali sahaja dan pemohon boleh mengemukakan permohonan di mana-mana PBT berbanding sistem OSC 3 Online lama iaitu pihak pemohon perlu berdaftar di setiap PBT.
- b. Sistem OSC 3.0 Plus Online mempunyai fungsi simpanan setiap aktiviti yang dilakukan oleh PSP/SP, Kakitangan OSC, ATD, ATL dan keputusan.
- c. Sistem OSC 3.0 Plus Online menyediakan pembayaran secara atas talian dan di kaunter.

Sistem OSC 3.0 Plus Online ini dibangunkan berasaskan kepada undang-undang yang diwartakan di Malaysia terutamanya yang berkaitan dengan aspek pemajuan tanah dan bangunan. Sistem ini akan dapat meningkatkan sistem perkhidmatan penyampaian kepada pihak berkuasa terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi/jabatan teknikal dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab dengan berpaksikan kepada kewajaran dan kesahan yang dimaksudkan oleh undang undang atau '*Doctrine Legitimate Expectation*' untuk memastikan prinsip '*Rule of Law*' dapat diterjemahkan dengan sebaik mungkin.

Secara tidak langsung ia akan mengukuhkan nilai ketelusan dan nilai integriti yang tinggi dalam perkhidmatan awam sebagai katalis untuk menarik pelaburan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara ini, mengurangkan karenah birokrasi serta menyediakan persekitaran yang berdaya huni selaras dengan matlamat untuk mencapai Pembangunan Mampan dan '*Sustainable Development Goal*'.

Bagi mengekalkan Johor sebagai destinasi pelaburan pilihan, Kerajaan Negeri melalui PBT juga menggunakan dasar-dasar yang mesra pelabur yang dikeluarkan oleh pihak KPKT seperti berikut:

1. Prosedur Permohonan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek yang bertujuan membantu pihak berkepentingan dalam menyediakan penginapan pekerja terutama dalam waktu pandemik. Pihak KPKT melalui PLAN Malaysia telah mengenalpasti enam (6) pendekatan yang boleh dilaksanakan seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 21 NOVEMBER 2021**

- i. Alternatif 1 (A1) : Penginapan pekerja di kawasan perumahan sedia ada;
- ii. Alternatif 2 (A2) : Asrama pekerja di kawasan perumahan sedia ada;
- iii. Alternatif 3 (A3) : Penginapan pekerja di unit rumah kedai sedia ada;
- iv. Alternatif 4 (A4) : Penginapan pekerja atau asrama pekerja di kedai pejabat atau plot perniagaan sedia ada;
- v. Alternatif 5 (A5) : Penginapan pekerja atau asrama pekerja di premis perindustrian;
- vi. Alternatif 6 (A6) : Asrama pekerja di dalam tapak binaan.

2. Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (Centralised Labour Quarters – CLQ) yang bertujuan membantu pihak yang terlibat bagi menyediakan dan membangunkan penginapan pekerja berpusat bagi memastikan persekitaran kondusif, teratur, selamat, selamat, berkualiti dan inklusif secara jangka panjang.

PBT juga sentiasa berkerjasama Bersama pihak Invest Johor serta terlibat dalam penyediaan input bagi draf Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2030.